

TAJUK : PENGUMPULAN TRADISI LISAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MAKMAL/ARKIB SEJARAH LISAN
JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

JAWATAN KUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI
NEGERI SEMBILAN

Kod Projek:

Tahun 1983/84

Projek Dokumentasi Keterangan Tradisi Lisan
Negeri Sembilan dan Naning

Tajuk: Salasilah Luak Johol

Keterangan Pengkisah

Nama	: Mohd Yassin bin Mahat	Nama bapa:	Mahat bin Lingga
Alamat	: Kampung Tangkoh, Johol.	Tempat lahir	: Kampung Melekai
Tempat lahir	: Kampung Melekai, Johol	Pekerjaan:	Kerja kampung
Tarikh lahir	:	Nama ibu	: Kurus bt. Potot
Tempat dibesarkan:	Johol	Tempat lahir	: Kampung Melekai
Pelajaran	: Darjah 5, Sekolah Melayu.		
Jawatan	: Dato' Paduka Seri Maharaja [Lembaga]		

Bagaimana mengetahui keterangan tradisi lisan
yang dikisahkan:

Penuturan orang-orang yang terdahulu.

SALASILAH LUAK JOHOL

Pengkisah : Mohd. Yassin b. Mahat
Tarikh wawancara : 29. 3. 1984
Tempat : Kampung Tangkoh, Johol,
Negeri Sembilan.

Tidaklah dapat saya kisahkan secara berterus terang tentang tradisi Johol ini kerana keadaan di Johol ini tidak terdapat catitan-catitan yang sah di masa yang lampau dimana tidak terdapat seseorang yang boleh membukukan sesuatu cerita mengenai Johol. Yakni, menerima daripada mulut orang tua-tua mengenai cerita yang tersirat bukan tersurat. Apa yang dapat saya ceritakan ialah dengan kehendak Tuhan, Bismillah hirrahman nirrahim. Ayat mula ditulis akan cerita dahulu kala hendak disebutkan, sebelah negeri hendak dinyatakan iaitu Batin Bata yang menceritakan mengikut keadaan Batin Empat atau Batin Bata. Batin Bata ialah seorang batin yang boleh memberi penerangan waktu dulu dan saya menerima dari orang tua-tua Johol iaitu dari Datok Embong Mahat (bapa pengkisah). Ketahuilah olehmu orang-orang besar iaitu Lembaga Adat akan aturan negeri kita sendiri. Jelai belum bernama Jelai, Jelai bernama Sungai Jernih, Johol belum Bernama Johol, Johol bernama Sungai Keroh.

Siti Nor di padang datar
Sekunci di dalam bilik
Pucok sandar ke gunung
Bulan dipagar bintang
Naga mengaman anak.

Maka peri yang dahulu itu Siti Nor di padang datar iaitu di padang Pak Senai yang ada hari ini yang ada batu tangga. Sekunci bilik di dalam iaitu di batu tangga. Pucok sandar ke gunung iaitu batang Nuri yakni Sungai Nuri. Bulan dipagar bintang di dalam Nuri iaitu bintang jatuh dahulu kala. Naga

mengaman anak di ulu Tanggai, maka itulah yang dinamakan kesaktian Johol. Pada dahulu kala juga naga mengaman anak iaitu ia berpindah ke Lautan sitiawan yang mengawal gunung Sitiawan. Hingga sampai sekarang ia tinggal di situ selama-lamanya.

Al kisah tersebutlah pula dari hal Batin Pak Johol. Pada masa itu ia sedang bersiap-siap hendak pergi ke Pasir Besar untuk melihat pemerintahan Pasir Besar bagi menanyakan keadaan pada masa itu. Maka setelah sudah ia bersiap-siap itu lalulah ia berjalan-jalan ke Pasir Besar. Selangkan beberapa lamanya berjalan itu, lalu sampailah Datok Batin Johol ke Pasir Besar maka masuklah Pak Johol mengadap Tuanku Bendahara Sekudai yang duduk di dalam istananya. Setelah sampai Datok Batin ke hadapan Tuanku Bendahara Sekudai lalu mengangkat tangan menjunjung sembah dan menjunjung duli. Maka kata Tuanku Bendahara Sekudai, "Dari mana Datok Batin ini datang dan apakah halnya Datok Batin ini datang?". Maka jawab Datok Batin akan titah Tuanku Bendahara Sekudai (selak kertas), "Tiadalah apa-apa melainkan hendak melihat-lihat sahaja keadaan pemerintahan dulu Tuanku dalam Negeri Pasir Besar ini bagaimanalah halnya". Maka seraya berkatalah Tuanku Bendahara Sekudai kepada Datok Batin Pak Johol, "Ayohai Datok Batin, maka pada masa sekarang ini dalam negeri Pasir Besar ini mendapat dukacita sebab dionar oleh jin. Ia merupakan dirinya seorang perempuan yang indah bersangatan daripada yang lain".

"Maka jadi berebut-rebutlah orang-orang lelaki berkehendakkan kepadanya lalu berbunuh-bunuhan di situ. Banyaklah orang yang mati bertikam bunuh yakni jin yang menjelma ini menyerupai perempuan yang paling cantik di waktu

itu. Banyaklah pada tiap-tiap lorong dan simpang-simpang dalam Negeri Pasir Besar itu orang yang bertikam-tikam bunuh. Maka sehari beribu-ribu orang yang mati bertikam-tikam bunuh sebab perbuatan perempuan yang indah itu". Maka jadi hakikatnya hantu mengadu manusia berbunuh-bunuhan. Maka lalulah berkata Batin Pak Johol, "Alang akan demikian titah Tuanku baiklah kita berpindah pada tempat yang lain pula. Maka patik datang mengadap Yang Dipertuan pun hendak mengangkat akan Yang Dipertuan juga ke negeri patik pulang bersama dengan patik pulang ke negeri Sungai Keroh".

Datok Bendahara Sekudailah ini bercerita panjang tentang asalnya. Setelah mendengar cerita itu tadi, cerita itu adalah berkehendakkan untuk melantik Undang Luak Johol. Di sini, cerita ini ... setelah didengar oleh Tuanku Bendahara Sekudai iapun berkata pula kepada permaisuri dan kepada anak-anaknya yang bertiga orang itu iaitu Johan, dan Pahlawan dan Lela Perkasa, "Hai permaisuri isteri aku dan anak-anak aku yang bertiga, baiklah kita turut kata Datok Batin ini. Ia mengajak kita ke negerinya iaitu negeri di Sungai Keroh namanya". Lalulah terlalu amat sukanya di dalam hatinya, "Apa sebab negeri Pasir Besar itu sudah diharu oleh syaitan dan hantu-hantu. Sudah beberapa banyak orang-orang yang sudah mati diharu oleh hantu itu, berpuluh ribu yang sudah mati. Kalau tiada kita tinggalkan negeri Pasir Besar ini akhirnya kita dukacita juga maka sebaik-baiknya kita turut kata Datok Batin ini".

Maka bila sudah berkata-kata dengan anak-anaknya kepada permaisuri dan dengan hati yang dukacita hendak meninggalkan ... istananya kerana ia sangat indahnyanya itu. Maka dalam istananya di tengah-tengah dan sekelilingnya

rumah-rumah orang yang ramai dan ramainya bukan sebarangan ... Bukan sebarangan lagi. Tuanku Bendahara Sekudaipun tersangatlah kaya dari raja-raja yang lainnya. (ayam berkokon) Taman dengan sekarat kota, dipukulkan canang memanggil makan, bersanggit tali buaian dan bertukar anak di pangkuan kerana penduduknya yang ramai.

Dengan sebab ramainya akan tetapi apalah boleh dibuat sebab sudah diharu oleh hantu, akan binasa juga akan sudahnya. Ia merupakan dirinya rupa manusia iaitu perempuan yang muda tersangat cantiknya. Jadi berebut-rebutlah segal anak-anak muda kepadanya. Maka jadi bertikam bunuhanlah beberapa banyak orang berbunuhan sesama sendiri. Sayang sekali negeri Pasir Besar akan ditinggalkan oleh Tuanku Bendahara Sekudai kerana melihat negeri Pasir Besar dan pekan sudah jadi sesak sunyi sekadarkan tinggal sedikit juga adanya. Maka berkatalah Tuanku Bendahara Sekudai kepada orang-orang besarnya, "Hai sekelian kita ini baiklah kita turutkan kata Datok Batin ini jangan kita engkarkan melainkan kita bersiaplah sekelian masing-masing akan perahu-perahu dan makanan kita dalam perahu dengan secukupnya". Maknanya mereka akan lama belayar hendak berpindah ke Sungai Keroh.

Maka bila sudah cukup kealatan dalam perahu sekelian itu Tuanku pun turunlah dalam perahunya serta dengan anak-anaknya yang bertiga itu dan isterinya. Aku (pencerita) pun serta dengan orang-orang besar dan Datok Batinpun turunlah ia bersama-sama Tuanku itu ke dalam perahunya itu. Maka beberapanya mudek itu berlalulah sampai ke kuala Jelai. Masuklah segala perahunya sekelian ke kuala Jelai itu masuklah ia bergalah panjang sebab sungai itu dalam.

Dengan beberapa lamanya mudek perahu itu dua tiga bulan lebih daripada Pasir Besar sampai sini (Sungai Keroh) lalulah sampai ia ke kuala Sungai Keroh. Maka berhentilah ia di situ perahu yang banyak dengan demikian haripun malam. Tidorlah di situ sekalian orang yang ramai itu di dalam perahu masing-masing. Maka dengan seketika lamanya malam haripun sianglah. Maka bangun pulalah sekalian orang yang ramai itu masing-masing memasak makannya dalam perahu masing-masing. Apabila sudah selesai memasak makanan masing-masing maka minum sekalian. Maka apabila sudah selesai ia daripada makan dan minum (ayam berkokok) masing-masing berkira-kiralah pula masing-masing masuk ke kuala Sungai Keroh.

Alkian pada zaman itu berjalan di darat jauh, sungai pun sangat dalam hinggalah sebatang galah dalamnya yakni sebatang buluh. Maka bergalahlah sekeliannya mengikut dari Kuala Sungai Keroh dan sekalian orang yang ramai pun kesemuanya mudeklah ia perahu itu ke dalam sungai itu. Dengan sekalian lalulah sampai ia ke kuala Melekai, lalu naiklah kesemuanya dibawa oleh Batin Pak Johol. Tujuan berjalan itu untuk ke Tanjung Beringin. Di situlah tempat rumah Batin Pak Johol. Maka Tuanku Bendahara Sekudai pun bersama-sama anak beranak mengikut akan Datok Batin itu sampailah ke rumahnya. Naiklah ia ke rumah Datok Batin itu lalu duduk ia pada rumah itu. Maka selang beberapa lamanya duduk-duduk di istana lalulah berkata Batin Pak Johol kepada orang-orangnya menyuruhkan anak-anak buahnya pergi memanggilkan saudara-saudaranya itu Batin Jelebu, Batin Seri Muar Galang dan Batin Kelana datang berhimpun ia ke luak Tanjung Beringin. Maka selang akan sepuluh duapuluh hari lamanya maka terhimpunlah segala saudaranya Datok Batin Pak Johol semuanya datang ke luak Tanjung Beringin. Maka Datok

Bendahara Sekudai pun berlalulah ia berkata kepada segala saudaranya, "Ayohai segala abang dan kakak, tiada apa yang kok dipanggilkan abang kok datang kemari. Tentang Yang Dipertuan sudahlah ada tersila di balai akok. Maka Yang Dipertuan adalah serta anak-anak dan isterinya semua sekali tiga orang lelaki, Johan, Pahlawan dan Lela Perkasa".

Maka itulah kita muafatkan apa-apa yang baiknya kita jadikan kerana kita yang membawanya kembali. Maka Batin Jelebu menjawab kata Batin Pak Johol katanya, "Pada pemikiran kok baiklah kita pulangkan kepadanya paya nan luas, padang nan luas kepada budak yang tida beradik ini. Tinggal lagi kita yang empat ini mempunyai bukit nan tinggi, permatang nan panjang, rimba nan senyap sunyi itulah akan tempat kita diam mencari makanan apa yang dapat kepada kita". Maka kata Batin Seri Muar Galang, "Jikalau demikian terlebih baiklah dikerjankan dahulu supaya hatinya kelak senang memerintah akan negerinya, lagipun senanglah hati pula kita yang berempat beradik ini ... akan mencari makanan. Yakni empat beradiklah Batin Pak Senai, Batin Muar Galangan, Batin Kelana dan Batin Jelebu. Jadi mereka berempat senang hati kerana sudah diberi pada dia tiap-tiap seorang memerintah. Kita pergilah ke bukit nan tinggi dan ke rimba nan senyap.

Dipendikkan bicara apabila Batin Jelebu dibawanya pulang yang tua iaitu Johan ke negerinya dan dikerjankan di negerinya di Jelebu. Maka diambil oleh Batin Seri Muar Galang Pahlawan dibawa pulang ke negerinya dikerjankan dalam negerinya Rembau. Diambil Batin Kelana, Lela Perkasa dibawa pulang ke negerinya. Batin Kelana adalah yang tua. Orang tua-tua dulu mengambil catitan secara tidak tersusun. Tapi yang tua Datok Kelanalah. Yang bongsu,

Sitiawan.

Maka tinggallah Tuan Puteri Kanun nan di sini. Puteri Kanun adalah anak Periang Pak Johol sebelum dinamakan Sitiawan. Dikerjankan oleh Batin Pak Johol di sini (Sungai Keroh). Maka barulah senang hati Datok Batin yang empat itu. Sebelum Johan, Pahlawan dan Lela Perkasa dibawa balik dikerjankan dulu Sitiawan (Puteri Kanun) ini dulu. Maka tinggallah Tuan Puteri Kanun dikerjankan oleh Batin Pak Johol di sini (Sungai Keroh) maka barulah senang hati Datok Batin yang empat itu. Selang akan beberapa lamanya ia memerintah akan Sungai Keroh yakni Johol Tuan Puteri Kanun yang kedengaranlah khabarnya kepada Sultan Maharaja Joeng di Inas tentang Tuan Puteri Kanun yang memerintah akan negeri Sungai Keroh. Maka sukacitalah hatinya (Maharaja Jin) di Inas. Maka Maharaja Joeng ini nama negerinya Inas yakni Sungai Jernih. Maka terlalulah ramainya pada masa itu dan sangatlah mulianya lagi dia tinggi pangkatnya daripada segala raja-raja pada masa itu (selak kertas).

Maka bila sudah didengar khabar orang Tuan Puteri Kanun menyetujui Puteri Kanun yang menjadi raja dalam negeri Sungai Keroh, maka berfikirilah pula di dalam hatinya, "Baik aku tawan pula akan dia. Aku jadikan permaisuri dalam istana aku", kaka Maharaja Jin. Jadi dapat faedahnya yakni memerintah dua negerinya Inas (Sungai Jernih) dan Sungai Keroh". Arakian dalam cerita-cerita cita-cita Maharaja Joeng itu yang demikian telah diketahui oleh Tuan Puteri Kanun kerana ia telah diberitahu oleh dewa-dewa kayangan yang turun dari Gunung Sitiawan iaitu Tuan Puteri juga yang memberitahu itu iaitu Tuan Puteri Wangkak, Tuan Puteri Nangka, Tuan Puteri Rindum Hati

dan Tuan Puteri Bongsu Berindum Emas. Maka keempat-empat puteri itupun turunlah dari kayangan iaitu anak-anak Maharaja Kayangan terlalu besar kerajaannya. Dia sudah dengar Jin yang onar hendak ambil Puteri Kanun. Jadi Tuan Puteri kayangan ini dapat berita ini jadi Maharaja Jin dengan dia samakan.

Waktu dulu ada kayanganlah di atas ini, sebelum zahir Rasulullah lah agaknya, fasal Rasulullah lahir kayangan runtuh. Cerita ini sebelum Rasulullah lahir agaknya. Maka kata Tuan Puteri itu kepada Tuan Puteri Kanun, "Wahai adikku, baiklah kita berpindah ke Gunung Sitiawan pada masa ini juga kerana Maharaja Jin di Sungai Jernih hendak menawan adinda hendak dijadikan isterinya". Maka apabila didengar oleh Tuan Puteri Kanun kata dia dewa-dewa itu maka diapun sukaiah ia berpindah pergi ke Gunung Sitiawan, menurut kata dewa-dewa itu. Maka dewa-dewa itupun memberilah sehelai baju layang-layang kepada Tuan Puteri Kanun. Maka lalu terbanglah ia menuju ke Gunung Sitiawan seperti kilat yang menyambari. Dengan seketika terbang itu maka ia sampailah ke Gunung Sitiawan. Maka didapati oleh Tuan Puteri Kanun kepada mercu Gunung Sitiawan itu sebuah istana terdiri serta dengan hebatnya lengkap ia kealatan-kealatan istana serta dengan lamannya terlalu luas. Maka diujung istana itu ada satu pancuran gading yang tergantung dengan tiada talinya. Gading gajah agaknya.

Maka adapun di hujung laman istana itu pancuran gading tergantung dengan tiada talinya maka airnya keluarlah pula dari pancuran gading itu maka warna airnya yang keluar berwarna kuning serta bau-bauan harum. Ini kesaktian dulu agaknya seperti bau kasturi dan ambar dan sahapran yakni

terlebih wangi agaknya. Maka pergilah kepada pancuran gading itu maka lalulah ia mandi di situ bersuka-sukaan ia kelima beradik itu. Maka dengan seketika ia mandi itu lalulah sudah ia bersalin basahan lalu memakai pakaian masing-masing. Tentang Puteri Kanun pada masa itu terlalulah indah rupanya berseri-seri rupa mukanya, lemah lembut segala kelakuannya. Maka selalulah berjalan naik ke istana kelima-limanya.

Setelah sampai ia ke dalam istana lalulah duduk ia di atas hamparan yang indah serta dengan kesukaan. Ada serta duduk maka diangkatlah suatu hidangan oleh dewa-dewa di situ. Maka persantapan yang tiada seperti nya maka makanlah Tuan Puteri Kanun dengan Tuan Puteri yang empat orang itu makanan yang lazat-lazat lagi memberi faedah kepada tubuh badan. Setelah sudah makan minum itu pula sireh sekapor seorang dengan Tuan Puteri yang empat itu maka naiklah cahaya pada mukanya berseri-seri warnanya. Duduklah Tuan Puteri dalam istana itu dengan aman serta kata Tuan Puteri yang empat orang itu kepada Tuan Puteri Kanun, "Janganlah kiranya adinda sugul. Sukakanlah hati adinda di sini. Makanlah akan makanan serta pakaian yang tahan-tahan. Apabila habis dihantarkan pulang, dihantarkan oleh Maharaja Kayangan ke sini dengan secukupnya yakni makan apa kuranglah Maharaja Jin beri". Jadi sampai di sini habis cerita Johol, iaitu cerita untuk perlantikan Undang Luak Johol iaitu Puteri Kanun.

Itu ringkasannya yang pertama untuk menerangkan bagaimana dia (Puteri Kanun) dilantik menjadi Undang Sitiawan ... Kemudian sebabnya mendapat gelaran Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan ... yakni daripada Datok Bendahara Sekudai yang telah mengaku saudara yakni telah menaikkan dirinya

Yang Dipertuan Datok Sekudai dimana dia di sana akan habis pemerintahannya yakni dia menjualkan dirinya kepada Batin Pak Senai bermakna dia hidup semula. Jadi Datok Batin Sekudai hidup semula dan dapatlah dia menjadi raja dan anak dia yang bertiga ini dengan simpati Batin Pak Senai telah memberi kepada saudaranya Johan Pahlawan pergi ke Rembau dan Puteri Kanun tinggal di Johol untuk menjadi anak yang keempat yaitu Bendahara Sekudai buat anak angkat. Jadi dikerjankan Puteri Kanun dengan mengambil simpati anak Datok Bendahara Sekudai iaitu nama abangnya yang bertiga Johan, Pahlawan dan Lela Perkasa simpati nama adat kebesaran di Sungai Keroh dikerjankan menjadi Undang Luak Johol.

Asal nama Johol dulu ialah Sungai Keroh. Kemudian apabila telah beberapa lama Sitiawan pun balik kembali memerintah di Johol kerana dia telah mengatasi (hentak meja) kekuatan Maharaja Jin di Joeng, selepas daripada menerima kesaktian di Gunung Sitiawan di hulu negeri Siak yakni Sitiawan yang telah diterbangkan oleh Puteri Kayangan tadi telah mengaku saudara. Maka kekuatan Sitiawan telah bertambah. Jadi dia balik memerintah di Johol setelah turun dari kayangan. Ada cerita aneh di dalam peristiwa ini. Cerita yang aneh ini berasal dari waris di Tanggai dengan waris Gemenceh. Saya rasa tidak perlu diceritakan sebab tidak hubungan. Dari-pada Sitiawan Puteri Kanun terus sampai ke istana Joeng di Inas. Sampai saja Puteri Kanun lalu ketawa Maharaja Jin ha ha ha tunangan aku sampai. Dipersilakannya naik ke istana oleh Maharaja Joeng lalu didudukkannya di dalam istana Maharaja Joeng itu, dengan Puteri-puteri yang berempat lagi iaitu saudara angkatnyalah. Maharaja Jin pun 'bam' dia tidor di atas pangku Puteri Kanun. Dia tidor di situ dengan olekan dan asuhan Puteri

Kanun maka Maharaja Jin pun lelap.

Apabila lelap, dia (Puteri Kanun) yang datang daripada Sitiawan menurut ceritanya membawa satu bungkusan abu. Bila Maharaja Jin terlelap kerohnya seperti bunyi tegar barat. Lelap dia itu boleh menghilangkan segala kelazatan dunia yakni suka duni habis dek lalainya dia tidor. Ceritanya begitulah. Diletaknya perlahan-lahan kepala Maharaja Jin tadi, diapun berkeroh sama. Pada waktu dia sudah bergelar Siti DiAwan kerana dia turun dari Sitiawan menerima kesaktian kekuatan daripada Gunung Sitiawan. Saudaranya Puteri yang berempat telah menggelar dia Siti Diawan. Dialah Maharaja Jin yang bergelar Sitiawan tidak Puteri Kanun. Pada asalnya, Johan Pahlawan Lela Perkasa Puteri Kanun. Kemudian mendapat kesaktian di Gunung Mengawan yakni di Gunung Sitiawan di hulu negeri Siak maka Puteri Kanun diberi gelaran Puteri diawan asalnya yakni Sitiawan.

Apabila orang sudah ramai waktu dia (Sitiawan) balik memerintah di Johol duduk di istananya di Tanjung Beringin di Melekai bersama-sama Datok Bendahara Sekudai memerintah Johol ia telah melantik lembaga memakai Adat Perpatih yang diajar oleh Datok Bendahara Sekudai (hentak meja). Asal Adat Perpatih di Johol sebab Johol adalah negeri yang tertua. Adat Perpatih lancar berjalan dengan adanya Datok Bendahara Sekudai ibu Adat Perpatih yakni Raja Adat Perpatih. Ia mengajar Adat Perpatih dan memberi penerangan dalam melantik segala lembaga dan menentukan kedudukan Jenang dan Batin. Batin memang sudah ada. Kemudian di bawah daripada Batin ialah Jenang dan di bawah Jenang barulah datang Lembaga-lembaga untuk melantik Sitiawan akan datang untuk dikanunkan waktu itu. Secara lisan orang yang berhak

melantik Undang di Johol ialah Jenang. Pecahan Jenang itu Buapak Yang Enam hari ini. Ini hak mutlak Batin, Jenang dan Buapak Yang Enam.

Kemudian penduduk sudah bertambah ramai di Johol ditengok orang sungai yang bernama Sungai Keroh ini pada hal jernih airnya kenapa pula dinamakan Sungai Keroh, jadi bukannya tidak munasabah. Orang tidak mahu lagi sebut Sungai Keroh. Kalau orang bertanya dimana Sungai Keron jadi orang beritahu yang ditepi-tepinya banyak batang Johol iaitu sejenis kayu. Masa itu tidak lagi disebut Johol tetapi batang Jahol. Kayu batang Johol ini banyak terdapat di tepi-tepi sungai sehingga Raja Melenggang datang ke sini tinggal di rumah Batin Pak Senai untuk membuka negeri. Pada asalnya negeri itu paya, tetapi bila tidak dapat dibuka mereka berpindah ke Naning. Datok Raja Melenggang iaitu Raja orang Semelenggang di Pagar Ruyong berpindah ke Naning. Dia dapati betul di kiri kanan sungai ini memang banyak batang Johol jadi bolehlah diberi nama sungai ini Sungai Batang Johol. Maka masyhorlah Sungai Batang Johol asalnya yang kemudian hilang batang tinggal "Johol".

Pada masa Datok Bendahara Sekudai dinaikkan menjadi Yang Dipertuan, Periang pula dilantik menjadi Batin atau digelar Batin. Gelaran Periang bertukar menjadi Batin dengan usaha Batin Muar Galang yang telah mengakui saudara berempat. kepada Periang Pak Johol, Periang Jelebu dan Periang Kelana pada hal Batin Muar Galang ini adalah orang mendatang dari Seberang. Selepas daripada itu dimeterikanlah gelaran Batin kepada Batin Pak Johol, Batin Jelebu, Batin Kelana dan Batin Muar Galang. Batin Muar Galang sudah memangnya Batin dari sana lagi. Dialah yang menganugerahkan gelaran ini

melalui Datok Bendahara Sekudai lalu mengistiharkan Periang menjadi Batin.
Itulah asalnya.

Apabila Adat Perpatih diperkenalkan negeri Johol inipun disebut Luak Johol. Hendak sedap sedikit ceritanya saya bawakan gurindam-gurindam mula membuka negeri.

Sejak mula bilah buluh ditanam
Besi nan beruncing
Puntung nan berasap
Genta hitam gagak putih
Nenek gadis datok bujang
Selilit Pulau Perca
Selemba Tanah Melayu.

Ini adat cara membuka negeri. Siaŕam siminangkabau yakni:

Sealam seMinangkabau
Sebingkah tanah terbalik
Sehelai akar ditetas
Sebatang kayu ditetak
Akar ditetas pengikat
Kayu nak ditetak akan berlintang tanah nan terbalik
Tanah nan terbalik kan permatang tanah yang datar
Tumbuhlah aur nan berjejer
Barulah airnya jernih nan menjadi
Barulah negeri nan sentosa.

Tegak luak berpenghulu kerana dalam Adat Perpatih sempadan adalah luak.
Luak maknanya sempadan kemudian baru datang luak. Tegak luak berpenghulu,
tegak alam beraja. Alam bermakna alam Negeri Sembilan bukan alam semesta.
Alam Negeri Sembilan adalah alam Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.
Negeri Perak adalah alam Sultan Perak. Itulah alam dari segi adat.

Tegak alam beraja
Tegak anak buah berbepak
Tegak orang semenda di tempat semenda
Barulah tuci terpakai tusa biasa

Adat berjenjang naik berlukis berlembaga
 Adat berjenjang bertangga turun
 Berjenjang panjang berlopak pendek.

Yakni yang berjenjang bawah dari seberang sini sampai seberang sana maknanya berjenjang panjang. Yang selopak jadi pendek, yang berjenjang itu panjang yakni barulah tertentu alam Raja di tempat sebuah Negeri Sembilan. Luak Penghulu untuk bahagian Johol, luak Rembau bahagian Rembau itulah luak maknanya bahagian.

Kedatangan orang Minangkabau ini juga mengujudkan suku-suku. Mengikut Adat Perpatih hidup bersuku-suku ertinya berpuak-puak. Berpuak bak kerbau. Suku Mungkar, Semelenggang dan Tiga Batu datang daripada Seberang bukan di sini. Suku Biduanda berasal dari orang-orang di sini, waktu itu dia belum ada suku. Sedatangnya adat ditentukan orang yang ada inilah suku Biduanda di sini. Kalau di Seberang Biduanda di sana berasal dari penduduk pulau sana iaitu orang darat. Yang di sini mengikut perbilangan adat Biduanda di sinilah, yakni orang-orang darat yang memang asalnya rakyat daripada hutan. Walaupun sedikit tetapi banyaklah orang yang menunggu daripada yang mendatang. Daripada itulah asal suku Biduanda yang ada dengan suku yang datang. Jadi sampai di sini dapatlah untuk di-semenda menyemendakan. Oleh kerana waktu itu tidak boleh menyemenda sewaris iaitu Mungkar tidak boleh sama Mungkar, Semelenggang tidak boleh sama Semelenggang dan Biduanda tidak boleh sama Biduanda. Maka dengan adanya suku yang datang bolehlah semenda menyemendaan. Ini mendatangkan biak suku di Johol iaitu Semelenggang Mungkar, Tiga Batu, Paya Kumbuh dan Tanah Datar.